

Landasan berkembar ikut jadual

Oleh JUNHAIRI ALYASA

junhairi.alyasa@kosmo.com.my

PETALING JAYA - Projek MMC Corporation Berhad-Gamuda Joint Venture Sdn. Bhd. (MMC-Gamuda JV), yakin projek landasan berkembar Ipoh-Padang Besar yang bernilai RM12.5 bilion mengikut jadual dan tiada peningkatkan kos.

Menurut Pengarah Eksekutifnya, Datuk Ir. Azmi Mat Nor, sehingga kini projek sejauh 329 kilometer merentasi empat buah negeri iaitu Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis mencapai tahap kemajuan sebanyak 43 peratus dan dijangka siap pada Disember 2013.

"Kami yakin projek ini akan siap ikut jadual dan kos me-

ngikut kontrak. Bahan-bahan untuk projek telah dibeli lebih awal bagi mengelak berlaku kenaikan harga," katanya pada sidang akhbar mengenai perkembangan terkini projek tersebut di sini semalam.

Projek yang bermula sejak Januari 2008 merentasi 14 buah daerah itu bakal menjana kegiatan ekonomi hiliran

yang dianggarkan bernilai RM25 bilion kepada rakyat selain membuka peluang pekerjaan kepada 90,000 orang daripada peringkat profesional hingga separa profesional termasuk buruh kasar.

Malah hanya lima peratus daripada tenaga kerja di tapak projek merupakan rakyat asing dan selebihnya merupakan tenaga tempatan.

Turut hadir pada sidang akhbar itu ialah Pengarah MMC-Gamuda JV, Datuk Mohd. Nor Idrus, Ketua Pembinaan, Yeoh Hin Kok dan Ketua Pengurusan Projek, Maslan Othman.

Azmi berkata, pihaknya sebagai kontraktor utama sentiasa bersikap tegas dalam memastikan setiap sub kontraktor yang diberikan tanggungjawab melaksanakan tugas mereka.

"Kontraktor yang dilantik perlu kompeten, mempunyai latar belakang yang baik serta kekuatan kewangan, jika mereka gagal tunjuk prestasi dan lewat sehingga 10 peratus kita akan tamatkan kontrak mereka," tegasnya.



(DARI kiri) Maslan, Azmi, Mohd. Nor dan Hin Kok menunjukkan peta Projek Landasan Berkembar Utara di Petaling Jaya semalam.